

31/08/1999

Kajian projek kereta api Trans-Asia selesai

PADANG BESAR, Isnin - Malaysia akan membentangkan laporan kajian berhubung projek kereta api laju Trans-Asia dari Singapura ke Kunming, China dalam mesyuarat Menteri Pengangkutan negara Asean, September ini.

Hasil kajian itu akan dijadikan asas pertimbangan pelaksanaan projek membabitkan tujuh negara dengan jarak 5,513 kilometer yang diluluskan pada persidangan kemuncak Asean kelima di Bangkok pada 15 Disember 1995.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata syarikat perunding tempatan yang dipertanggungjawab menjalankan kajian itu akan menyerahkan laporan itu kepadanya esok.

Kajian itu membabitkan tiga bahagian utama iaitu ekonomi, kejuruteraan, latihan dan kursus bagi mencapai kemudahan perdagangan terbaik antara negara.

"Kajian teknikal berhubung projek itu sudah selesai dan saya akan membentangkan laporan itu dalam mesyuarat Menteri Pengangkutan Asean bulan depan," katanya.

Beliau ditemui pemberita selepas melancarkan perkhidmatan kereta api kargo terus dari Kuala Lumpur-Bangkok, di sini, hari ini.

Perkhidmatan kargo rel baru itu akan mempercepatkan pergerakan barangan antara kedua-dua destinasi kepada hanya 60 jam, berbanding 108 jam sebelum ini.

Kargo dari Bangkok akan dihantar terus ke Pelabuhan Klang menerusi rel, termasuk ke Pelabuhan Barat, sekali gus membantu ke arah menjadikan Pelabuhan Klang sebagai pusat muatan kargo utama di rantau ini.

Pada tahun ini, perkhidmatan itu dijangka membabitkan pergerakan kargo 5,760 Teus dan meningkat kepada 57,600 Teus tahun depan.

Dr Ling berkata, kementerianya mendapat kerjasama baik daripada kastam dan imigresen yang memudahkan pemeriksaan bagi menjamin kelancaran perjalanan terhadap perkhidmatan kargo terus dan Trans-Asia apabila ia dilaksanakan.

Projek Trans-Asia itu dicadangkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam Sidang kemuncak Asean di Bangkok dan diterima sebulat suara.

(END)